

TARIKH	RABU, 22 JANUARI 2025
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SISTEM PUSINGAN KERJA KAUNTER PERKHIDMATAN ATASI ISU INTEGRITI
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	WORK

Sistem pusingan kerja kaunter perkhidmatan atasi isu integriti

PUTRAJAYA – Pelaksanaan pusingan kerja penjawat awam khususnya yang bertugas di kaunter perkhidmatan mampu menangani masalah integriti bagi memperkukuhkan kepercayaan rakyat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, langkah itu juga mewujudkan suasana kerja lebih kondusif kepada golongan itu terutama mereka yang bekerja melebihi lima tahun.

“Di KDN (Kementerian Dalam Negeri) ada agensi yang memabatkan perkhidmatan kaunter dan paling popular ialah Jabatan

Imigresen, ada Jabatan Pendaftaran dan sebagainya.

“Ya banyak sistem (kaunter perkhidmatan) adalah berasaskan secara langsung dengan rakyat (di KDN),” katanya selepas menyampaikan ucap tama Sidang Kemuncak dan Ekspo Keselamatan Antarabangsa Asia 2025 (AiSSE’25) di sini semalam.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam melakukan pusingan kerja petugas kaunter meliputi kakitangan yang berkhidmat lebih lima tahun kerana tempoh tersebut amat lama ser-

ta tidak bersesuaian selain boleh menyebabkan tekanan.

Ujar Saifuddin Nasution, tujuan asal operasi kaunter bagi membaiki dan mempercepatkan sistem penyampaian.

Malah, katanya, operasi kaunter sewajarnya dapat mewujudkan iklim kerja yang lebih kondusif kepada petugas dan mereka sepatutnya tidak boleh terlalu lama berada di situ.

“Yang penting, ia harus berasaskan rakyat dan kalau itu dapat kita lakukan, saya sangat yakin kita akan dapat merasai perubahan yang akan dilaksanakan,” katanya.



SAIFUDDIN NASUTION (dua dari kiri) melawat pameran pada AiSSE’25 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM